

## NASIONAL

# PRK dikendali mahasiswa

*Beri impak positif, pengalaman baharu*

ZALMIMAZURA ZAHARI

**S**aranan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik supaya mahasiswa diberi kuasa untuk menguruskan sendiri Pilihan Raya Kampus (PRK) ternyata mendapat respons baik daripada pihak universiti maupun mahasiswa. Ia secara tak langsung menyuburkan kembali aspirasi politik di kampus.

Universiti Putra Malaysia (UPM) antara Universiti Awam (UA) yang menyahut cabaran ini yang mana proses pengundian pada kali ini dikendalikan sepenuhnya oleh mahasiswa pada 29 November lalu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata, pembaharuan yang diketengahkan oleh menteri pendidikan dalam pengurusan PRK banyak memberi impak positif kepada mahasiswa itu sendiri untuk merasai satu pengalaman baharu.

"Di pihak UPM dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA), kami menyokong perubahan ini kerana kami melihat ia dapat memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk belajar cara-cara proses pengundian yang sebelum ini dikendalikan oleh HEPA," kata beliau kepada Sinar Harian sempena pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UPM 2018.

Mohd Roslan mengakui menjalankan PRK bukannya mudah kerana ia melibatkan proses yang lama. Namun beliau berbangga kerana mahasiswa UPM menunjukkan kesungguhan dan kemampuan untuk melaksanakan tugas ini dengan baik dan lancar.

"Walaupun ini merupakan kali pertama mereka menguruskan PRK, tetapi mereka telah membuktikan mereka mampu menggalas tugas ini dengan baik."

"Paling penting saya melihat adanya sikap interaksi dan komunikasi yang baik

di antara mahasiswa dengan pegawai universiti serta mahasiswa dengan mahasiswa dalam menguruskan PRK ini. Setiap permasalahan yang timbul akan dibawa berbincang untuk mendapatkan solusi yang terbaik."

"Saya percaya dengan menerapkan sahsiah diri dalam kalangan mahasiswa ia dapat mempertingkatkan hubungan baik antara mahasiswa dengan pihak universiti serta memudahkan segala urusan," katanya.

Dalam pada itu katanya, disebabkan proses pengundian kali ini dikendalikan oleh mahasiswa, maka pihak HEPA terpaksa menggubal beberapa peraturan mengikut kesesuaian dan kehendak mahasiswa.

Menurutnya, perubahan itu juga adalah hasil perbincangan dengan mahasiswa berkaitan peraturan-peraturan sedia ada termasuk menggabungkan cadangan yang diinginkan daripada pihak mahasiswa apa yang tidak mahu ada campur tangan daripada pihak lain.

"Apabila cadangan ini dipersebutui dan mengikut peraturan universiti, kita akan bawa usul ini ke pihak Lembaga Pengarah universiti untuk diluluskan. Itu sebabnya UPM lewat sedikit mengadakan PRK berbanding universiti lain," katanya yang turut berterima kasih kepada 300 sukarelawan mahasiswa UPM yang terlibat secara langsung dalam melancarkan proses PRK kali ini.

Beliau mengharapkan mereka yang terpilih di barisan MPP dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik dan menjaga kebijakan mahasiswa serta bertindak sebagai penghubung antara pihak universiti dan mahasiswa tujuh di mana tempat mereka untuk mengadu.

Pada 1 Oktober lalu, Maszlee mengesahkan Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan kuasa kepada pelajar di universiti awam untuk melakukan dan menguruskan pilihan raya kampus tanpa campur tangan pentadbir universiti. Beliau berkata pelajar di semua universiti awam akan mula menguruskan pilihan raya kampus masing-masing pada



Para penuntut UPM menguruskan proses pengundian pilihan raya kampus.



Penuntut UPM turut bertindak sebagai sukarelawan bagi memastikan kelancaran PRK.

pemilihan sesi pengajian kali ini.

Dalam pada itu, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Prof Dr Noor Azlan Ghazali turut menyambut baik inisiatif tersebut kerana ia akan memperkasakan keupayaan mahasiswa dalam jangka panjang.

Bagaimanapun menurut beliau, pilihan raya kampus UKM tahun ini masih diuruskan oleh Pusat Siswa UKM di bawah pengawasan jawatankuasa induk yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

"Kami melantik pelajar sebagai pemerhati pilihan raya, mempelajari dan melihat dengan langsung untuk memahami kaedah dan peraturan supaya tahun hadapan pelajar boleh kendali sepenuhnya," katanya.

Jelas beliau, adalah baik mahasiswa mempelajari proses dan memahami secara holistik pengurusan pilihan raya dan bagaimana sistem demokrasi berfungsi.

"Juga ada baiknya pilihan raya kampus ini dilaksanakan dengan AUKU yang baru supaya aspek governans lebih jelas dan teratur serta ada rujukan akta yang dipakai secara rasmi."

### Peluang baik mahasiswa

Bekas Yang Dipertua MPP UPM, Aida Fitri Peli menyifatkan penglibatan mahasiswa secara total dalam menguruskan PRK merupakan satu



Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman (tengah) berbual dengan pengundi semasa memantau perjalanan pilihan raya kampus dikendali mahasiswa UPM.

peluang yang sangat besar meskipun sedar tiada pengalaman dalam melaksanakannya.

"Mahasiswa masih memerlukan bantuan dan tunjuk ajar dari pihak HEPA dari segi teknikal supaya tidak timbul ketidaksefahaman dalam kalangan mahasiswa."

"Alhamdulillah semua mahasiswa telah diserap masuk dan saya sendiri telah dimasukkan dalam jawatankuasa induk organisasi MPP dan saya berterima kasih kepada pihak HEPA kerana membenarkan kami menyuarakan hasrat," katanya.

### Sistem e-undi 16 tahun dilaksanakan

Berbeza dengan universiti lain, UPM telah menggunakan sistem e-undi selama 16 tahun. Apa yang menariknya, e-undi ini tidak menggunakan langsung kertas undi dan keseluruhan proses mengundi bergantung kepada sistem komputer.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Audit MPP UPM, Prof Dr. Rusli Abdullah, sistem e-undi merupakan satu sistem yang canggih kerana apabila proses mengundi ditamatkan, dalam masa setengah jam keputusannya sudah diperolehi.

"Untuk PRK di UPM kita guna sepenuhnya sistem komputer di dua bahagian iaitu, di meja pendaftaran dan di tempat proses pembuangan undi," katanya.